

GAJI

Di Malaysia, peralihan fasa endemik telah bermula sejak 1 April 2022. Perkara ini dapat memberikan kesan yang positif terhadap aspek sosial, ekonomi dan kesihatan masyarakat Malaysia yang lebih seimbang seiring dengan Rancangan Malaysia ke-12 (RMK-12).

Setelah dua tahun negara berdepan dengan wabak pandemik COVID-19 yang ibarat tiada penghujungnya, kini penamatnya sudah kelihatan setelah pengumuman oleh Perdana Menteri Malaysia, YAB Dato' Sri Ismail Sabri pada 8 Mac 2022. Masyarakat Malaysia kini mampu menarik nafas lega pada fasa endemik ini.

Selain daripada itu, rakyat Malaysia juga sekali lagi menarik nafas lega apabila pengumuman mengenai kelulusan pelaksanaan gaji minimum baharu RM1500 sebulan yang dilaksanakan pada 1 Mei 2022 di seluruh negara. Pelaksanaan gaji minimum yang baharu ini telah menjalani satu proses kajian yang menyeluruh dengan mengambil faktor penilaian risiko daripada pelbagai aspek seperti jenis sektor perindustrian dan perkhidmatan, kos sara hidup, demografi masyarakat, inflasi, kesan sosial dan pelbagai lagi petunjuk yang digunakan bagi mengukur pelaksanaan gaji minimum ini.

Pelaksanaan gaji minimum di Malaysia telah diperkenalkan sejak 15 September 2011 apabila Akta Majlis Perundangan Gaji Negara 2011 (Akta 732) berkuat kuasa. Peranan undang-undang penetapan gaji minimum telah diwartakan oleh kerajaan bertujuan untuk melindungi pekerja di Malaysia bagi meningkatkan kualiti hidup dan mengurangkan masalah kemiskinan di dalam negara. Siri perubahan tingkat gaji minimum dianggap sebagai satu revolusi terhadap tingkat pendapatan isi rumah yang merangkumi pelbagai lapisan masyarakat dari segi pendidikan dan juga taraf kehidupan.

Pada tahun 2013, penetapan gaji minimum mula digubal dan kerajaan meletakkan satu tingkat penggajian yang berbeza bagi Semenanjung Malaysia sebanyak RM900

bersamaan RM4.33 setiap jam, manakala Sabah dan Sarawak termasuklah Wilayah Persekutuan Labuan adalah sebanyak RM800 bersamaan RM3.85 setiap jam. Jika mengambil faktor kadar inflasi pada ketika itu ialah 2.1 peratus.

Pada tahun 2016 pula, gaji minimum dinaikkan buat kali keduanya, iaitu kepada RM1000 bersamaan RM4.81 setiap jam di Semenanjung Malaysia, manakala RM920 bersamaan RM4.42 setiap jam bagi Sabah, Sarawak dan Wilayah Persekutuan Labuan. Seterusnya, mengenal pasti akan peningkatan taraf hidup rakyat dan faktor kadar inflasi yang semakin meningkat agak ketara sejak tahun 2016 hingga 2018 sekali lagi gaji minimum dinaikkan kepada RM1100 bersamaan RM5.29 setiap jam pada tangga gaji minimum yang selaras seluruh negara Malaysia pada tahun 2018.

Menjelang tahun 2020, dengan mengambil kira faktor demografi dalam kajian dan pelaksanaan gaji minimum pada ketika



REVOLUSI SIRI PENDAPATAN MINIMUM



itu, pihak kerajaan bersetuju untuk meningkatkan gaji minimum mengikut kawasan yang dibahagikan kepada dua iaitu, kawasan bandar RM1200 bersamaan RM5.77 setiap jam, manakala kawasan luar bandar sebanyak RM1100 bersamaan RM5.29 setiap jam. Pelaksanaan pada tahun 2020 dilihat lebih positif apabila faktor demografi mula dibincangkan oleh ramai pakar ekonomi dengan mengambil kira kos sara hidup yang berbeza mengikut negeri. Maka itu, penyesuaian gaji minimum perlu ditambah baik mengikut kawasan.

Satu topik yang pernah dibincangkan oleh Bank Negara Malaysia pada Mac 2018 menerusi terbitannya bertajuk *The Living Wage: Beyond Making Ends Meet* menjadi satu perbincangan yang lebih meluas oleh banyak pengkaji ekonomi. Pendapatan wajar kehidupan adalah satu tingkat pendapatan yang diperlukan oleh

isi rumah bagi menampung perbelanjaan minimum taraf hidup semasa. Perkara pokok yang dibincangkan termasuklah keupayaan sosial, tabungan peribadi dan pembangunan keluarga agar bebas daripada masalah tekanan kewangan. Konsep pendapatan ini adalah satu konsep pendapatan yang diperlukan melebihi daripada keperluan asas yang diperlukan oleh individu dan isi rumah seperti makanan, pakaian dan tempat tinggal.

Oleh itu, penetapan gaji minimum ini perlulah seiring dengan keperluan ekonomi semasa yang bergerak pantas dengan mengambil kira jangkaan faktor luaran yang turut memberikan kesan terhadap tingkat pendapatan yang baharu. Sekitar tahun 80-an, Polisi Perindustrian Negara banyak menekankan mengenai kedudukan upah di Malaysia yang kompetitif dan murah agar dapat menarik lebih ramai pelabur asing di Malaysia, begitu juga dengan negara ASEAN lain turut menekankan perkara yang sama.

Namun begitu, masalah dari segi kebajikan pekerja dan daya tahan kewangan pekerja mula timbul apabila strategi ini tidak membantu untuk membawa masuk pelabur yang berkualiti ke dalam Malaysia. Selepas kerajaan memperkenalkan dasar gaji minimum pada tahun 2013, dapat dilihat pelaksanaannya merupakan satu anjakan yang positif dalam pasaran buruh, sekali gus menjamin kualiti pelabur asing yang lebih baik.

Revolusi siri gaji minimum berkemungkinan turut memberikan sedikit kesan secara tidak langsung kepada institusi lain, seperti perusahaan

kecil sederhana (PKS) yang terpaksa menampung peningkatan kos penggajian kesan daripada dasar gaji minimum yang baharu ini. Selain itu, kesan terhadap pasaran buruh yakni pengangguran golongan muda akan sedikit meningkat dan mendorong majikan untuk mengambil pekerja asing sebagai pilihan alternatif bagi mengurangkan kos penggajian firma.

Bagi mengimbangi kesan daripada gaji minimum terhadap perusahaan kecil sederhana, mereka perlu menekankan konsep produktiviti yang lebih berkesan dalam meningkatkan produktiviti seiring dengan peningkatan gaji minimum tersebut. Maka itu, PKS dapat mengimbangi semula kos firma dan tidak akan berlaku masalah kenaikan harga barang atau kekurangan pekerja. Hal ini mampu membentuk PKS lebih berdaya saing dalam pasaran industri.

Perkembangan gaji minimum ini adalah satu perkara yang baik seiring dengan matlamat RMK-12 untuk mengimbangi semula pengagihan pendapatan dan mengurangkan masalah kemiskinan, sekali gus memacu hala tuju negara kepada negara yang berpendapatan tinggi. Revolusi gaji minimum ini menunjukkan bahawa pihak kerajaan kekal konsisten dalam mengkaji, merancang dan melaksanakan tingkat pendapatan yang bersesuaian kepada rakyat Malaysia mengikut perkembangan semasa dan pertumbuhan ekonomi negara. □

Penulis, Alumni Fakulti Ekonomi dan Pengurusan (FEP), Universiti Kebangsaan Malaysia.